

# Pelajar UMS beri motivasi murid SK Kapulu capai kejayaan

BH 09.04.2012 4

**T**ENOM: Murid luar bandar harus menggunakan sepenuhnya ilmu ditimba daripada penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada program 'Outreach Scaling Up Education' di Sekolah Kebangsaan

(SK) Kapulu, dekat sini untuk meningkatkan pencapaian akademik, sekali gus cemerlang dalam peperiksaan.

Program empat hari bermula semalam harus dijadikan landasan

untuk mereka mencapai kejayaan cemerlang pada peperiksaan utama tahun ini, sekali gus membantu keluarga masing-masing keluar daripada kepompong kemiskinan.

Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raimie Unggi, berkata murid yang menimba ilmu daripada program berkenaan harus menjadikannya landasan untuk mencapai kecemerlangan akademik kerana hanya pelajaran mampu menyediakan masa depan lebih gemilang.

"Dengan perkongsian ilmu dan motivasi yang diterapkan dalam kalangan peserta dan ibu bapa, saya yakin program ini akan melahirkan lebih ramai murid cemerlang di daerah ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penuntut UMS yang sudi berkampung di sini," katanya berucap pada majlis perasmian program berkenaan.

Hadir sama, Naib Canselor UMS,

Prof Datuk Dr Kamarulzaman Ampon; Penyelaras program, Dr Khalid Johari; Pengarah program, Husin Basir dan Pegawai Pelajaran Tenom, Azmal Jumah. Program dianjurkan penuntut Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS dengan kerjasama Pejabat Parlimen Tenom dan Persatuan Warga Prihatin Sabah (SUEC).

Seramai 35 penuntut jurusan berkenaan mengadakan ceramah akademik dan motivasi kepada lebih 500 murid SK Kapulu, SK Rundum, SK Korolok, SK Semambu dan SK Tiliis selain menyertai program rekreasi dan kebudayaan.

Sementara itu, Kamarulzaman berkata, penuntut UMS yang menyertai program berkenaan harus menggunakan pengalaman itu untuk membantu memajukan masyarakat selepas menamatkan pengajian melalui sumbangan idea terutama dalam pembangunan pendidikan.